

Stats-Preneurship: Menilai Impak Perkongsian Keusahawanan Menerusi Kisah Perjalanan The Raw
(*Stats-Preneurship: Assessing The Impact Of Entrepreneurial Sharing Through The Journey Of The Raw*)

SHAZATUL RANIA AZMAN & NOR HAMIZAH MISWAN*

ABSTRAK

Keusahawanan merupakan elemen penting dalam pembangunan ekonomi kerana ia mampu membuka peluang pekerjaan dan melahirkan graduan yang berdaya saing. Pendedahan awal khususnya kepada pelajar universiti, melalui ceramah keusahawanan, membolehkan mereka berlatih sebagai usahawan kecil sambil menjana pendapatan sampingan. Program Stats-Preneurship telah dianjurkan untuk tujuan ini dengan menjemput penceramah daripada kalangan pengasas produk tempatan. Kajian ini bertujuan menilai tahap keberkesanan program menerusi kepuasan pelajar terhadap pengurusan program, persepsi terhadap penceramah, serta analisis sentimen terhadap komen keseluruhan program Stats-Preneurship. Tinjauan dijalankan melalui soal selidik yang diedarkan kepada peserta program. Dapatan kajian menunjukkan skor min yang tinggi iaitu sekurang-kurangnya 4.7 dan sisihan piawai yang rendah iaitu sekitar 0.44 hingga 0.81 menunjukkan tahap kepuasan dan persepsi peserta sangat memuaskan. Analisis sentimen pula menunjukkan 95% maklumbalas peserta adalah bersifat positif. Dapatan ini membuktikan bahawa ceramah keusahawanan memberi impak yang bermanfaat dan relevan kepada peserta.

Kata kunci: Analisis Sentimen, Pempengaruh, Inspirasi Kerjaya

ABSTRACT

Entrepreneurship is an important element in economic development as it creates job opportunities and produces competitive graduates. Early exposure, particularly among university students through entrepreneurship talks, enables them to practice as small-scale entrepreneurs while earning additional income. The Stats-Preneurship program was organized for this purpose by inviting speakers from local product founder. This study aims to evaluate the program's effectiveness through students' satisfaction with the program management, their perception of the speaker, and sentiment analysis of the overall comments on the Stats-Preneurship program. The survey was conducted through questionnaires distributed to the program participants. The findings show a high mean score of at least 4.7 and a low standard deviation ranging from 0.44 to 0.81, indicating that participants' satisfaction and perception levels were very satisfactory. Sentiment analysis further revealed that 95% of the participants' feedback was positive. Entrepreneurship talks offer meaningful benefits to participants.

Keywords: Sentiment Analysis, Influencer, Career Inspiration

PENDAHULUAN

Keusahawanan merupakan satu bidang yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial, khususnya dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi (Nasir & Halim, 2024). Kajian tersebut juga menekankan bahawa aktiviti keusahawanan membantu bakal usahawan muda membina pengalaman sejak di peringkat universiti selain daripada menjana pendapatan negara dan ekonomi keluarga. Sehubungan dengan itu, kajian oleh Aaina Amirah Haron et al. (2022) menjelaskan bahawa pelaksanaan program keusahawanan di universiti memberi peluang kepada pelajar untuk membentuk minda usahawan muda yang berinovasi serta membuka prospek kerjaya baharu selepas tamat belajar. Di samping itu, dapatan kajian oleh Schimperna, Nappo dan Marsigalia (2021) menegaskan bahawa universiti merupakan salah satu pihak yang penting dalam memainkan peranan bagi memupuk keusahawanan pelajar melalui pelbagai strategi seperti penawaran kursus keusahawanan.

Pendekatan ini dilihat berupaya membentuk pelajar yang mempunyai keupayaan mengambil risiko serta kecekapan komunikasi sekali gus melahirkan graduan yang mampu berperanan sebagai penggerak ekonomi pada masa hadapan.

Program *Stats-Preneurship* merupakan program keusahawanan tahunan anjuran Kelab Statistik, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang berperanan sebagai platform bagi memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Bertemakan '*Usahawan Muda: Membangun Kemahiran, Menjana Pendapatan*', program ini menyasarkan penyertaan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dari pelbagai fakulti khususnya ahli Kelab Statistik sendiri. Pelbagai aktiviti seperti pertandingan mereka baju rasmi kelab, jualan merchandise, pembukaan booth jualan pelajar serta ceramah keusahawanan telah dijalankan sejak beberapa sesi yang lalu. Suasana program boleh digambarkan pada beberapa gambar dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Suasana Program Stats-Preneurship

Pada sesi kali ini, sebahagian besar aktiviti tersebut telah dijalankan secara talian seperti pertandingan mereka baju rasmi kelab dan jualan merchandise, manakala kemuncak program iaitu ceramah keusahawanan serta booth jualan pelajar telah diadakan secara fizikal pada 26 Oktober 2024 di sekitar Dewan Kuliah DKG111F, Bangunan Sains Fizik, Fakulti Sains dan Teknologi. Kajian oleh Hua et al. (2022) membuktikan bahawa penglibatan mahasiswa dalam program keusahawanan terutamanya dengan sokongan dari pihak universiti berupaya memberi

kesan positif yang signifikan terhadap kemahiran berkomunikasi serta membina potensi diri mereka dalam menceburi bidang keusahawanan.

Salah satu subprogram dalam program keusahawanan ialah penganjuran ceramah keusahawanan yang mampu memberi pendedahan langsung kepada mahasiswa mengenai strategi, cabaran, dan potensi dunia perniagaan sebenar. Pendidikan keusahawanan juga mampu memperkukuh *entrepreneurial self-efficacy* dan seterusnya membentuk niat keusahawanan seperti yang ditekankan

dalam kajian Vivekananth et al. (2023). Dapatan dalam kajian ini juga menyatakan bahawa program keusahawanan yang dirancang secara sistematik mampu meningkatkan keyakinan pelajar bahawa mereka mempunyai kebolehan untuk melaksanakan aktiviti keusahawanan sekaligus lebih cenderung untuk menjadi seorang usahawan. Di samping itu, kajian oleh Amaral et al. (2024) menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap orientasi kerjaya keusahawanan mahasiswa, sekali gus membuktikan keberkesanan aktiviti seperti ceramah dan perkongsian usahawan dalam membentuk aspirasi keusahawanan pelajar.

Kajian terkini oleh Huang et al. (2025) turut menjelaskan bahawa kursus keusahawanan, pertandingan dan polisi berkaitan keusahawanan mampu meningkatkan kecenderungan pelajar untuk berinovasi, disamping juga memberi nilai positif terhadap kebolehpasaran graduan. Seterusnya, kajian oleh Tang (2025) juga menekankan bahawa penglibatan pempengaruh sebagai penceramah atau figura jemputan mampu memberi kesan yang positif terhadap pembentukan motivasi dan keyakinan diri pelajar. Pelajar akan terinspirasi dan lebih berminat untuk menerapkan nilai keusahawanan dalam diri kerana wujudnya interaksi parasosial yang terjalin antara pempengaruh dan peserta, menjadikan mesej yang disampaikan lebih autentik serta mudah diterima. Oleh itu, penganjuran ceramah keusahawanan *Stats-Preneurship* ini telah menjadi elemen penting kerana ia melibatkan penceramah yang cukup luar biasa, iaitu seorang pengasas produk tempatan, The Raw. Sesi perkongsian oleh Miss Adibah Mazlan menjadikan sesi ini lebih berinspirasi, sekali gus meningkatkan motivasi mahasiswa untuk terlibat dalam bidang keusahawanan kerana peserta didedahkan dengan cabaran dan perjalanan seorang usahawan. Pendekatan ini bukan sahaja menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, malah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan ke-9 (SDG 9) iaitu Industri, Inovasi dan Infrastruktur, yang menekankan kepentingan inovasi dalam membina masyarakat berdaya saing.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, impak perkongsian keusahawanan yang diketengahkan melalui kisah perjalanan The Raw dianalisis bagi menilai keberkesanan pelaksanaan program keusahawanan yang melibatkan pempengaruh sebagai medium penyampaian. Pendekatan ini diambil bagi memahami sejauh mana penglibatan pempengaruh

dapat meningkatkan minat serta kesedaran pelajar terhadap bidang keusahawanan melalui perkongsian pengalaman sebenar.

Sehubungan itu, kajian ini memberi tumpuan kepada tiga objektif utama. Objektif pertama adalah menganalisis tahap kepuasan pelajar terhadap pengurusan program *Stats-Preneurship* yang dianjurkan. Objektif ini bertujuan untuk menilai sejauh mana pelaksanaan program memenuhi jangkaan dan keperluan peserta. Kedua, artikel ini bertujuan untuk menilai persepsi pelajar terhadap penceramah jemputan, khususnya dalam aspek penyampaian, kandungan dan keberkesanan mesej yang disampaikan. Ianya sekaligus mendapatkan pemahaman tentang peranan pempengaruh dalam menyampaikan mesej keusahawanan secara berkesan.

Akhir sekali, kajian ini turut menjalankan analisis sentimen terhadap komen keseluruhan program *Stats-Preneurship* bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang penerimaan dan pandangan peserta. Melalui ketiga-tiga objektif ini, kajian diharapkan dapat memberikan maklumat yang berguna dalam menambah baik penganjuran program keusahawanan pada masa hadapan, khususnya yang melibatkan pempengaruh sebagai agen penyebar ilmu dan inspirasi.

Seterusnya, artikel ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian 2 menerangkan metodologi kajian yang meliputi pengumpulan data analisis kajian. Bahagian 3 pula memaparkan keputusan analisa berdasarkan objektif yang ingin dikaji serta perbincangan lanjutan. Akhirnya, Bahagian 4 merumuskan kajian dan membincangkan cadangan kajian lanjutan.

METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik menggunakan *Google Form* kepada para pelajar yang telah menyertai program *Stats-Preneurship*. *Google Form* tersebut telah diedarkan pada akhir program menerusi paparan kod Respon Pantas (*QR code*). Instrumen borang maklum balas ini dirangka bagi merangkumi beberapa aspek utama, termasuk latar belakang responden, tahap kepuasan terhadap pengurusan program, persepsi terhadap kualiti penyampaian penceramah, serta komen terbuka yang akan dianalisis bagi mendapatkan gambaran sentimen peserta terhadap program tersebut. Seramai 116 orang peserta telah melengkapkan borang maklum balas tersebut.

Analisis Kajian

Borang maklum balas yang digunakan dalam kajian ini mengandungi empat bahagian utama. Bahagian pertama ialah maklumat demografi responden yang terdiri daripada jantina, bangsa, dan tahun pengajian. Dalam bahagian ini, analisis peratusan digunakan untuk menghuraikan taburan responden mengikut jantina, bangsa, dan tahun pengajian.

Bahagian kedua pula merupakan aspek penilaian terhadap pengurusan program Stats-Preneurship dengan soalan berbentuk skala Likert lima mata bermula daripada skala satu merujuk kepada penilaian “Tidak Memuaskan” kepada skala lima merujuk kepada “Sangat Memuaskan”. Penilaian ini meliputi aspek pengisian program, keberkesanan program, perjalanan program, dan pencapaian objektif program. Seterusnya, bahagian ketiga adalah penilaian penceramah, juga berbentuk skala Likert lima mata yang merangkumi aspek isi kandungan, kaitan kesesuaian, cara penyampaian, dan kesesuaian contoh yang diberikan. Bagi bahagian kedua dan ketiga, analisis diskriptif dijalankan menggunakan data skala Likert untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai. Min ialah nilai purata tahap kepuasan terhadap program dan nilai purata persepsi responden terhadap penceramah, manakala nilai sisihan piawai menunjukkan sejauh mana jawapan responden menyimpang daripada min tersebut. Nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan jawapan responden adalah lebih seragam, sementara jumlah yang tinggi menunjukkan kepelbagaian jawapan yang lebih besar.

Seterusnya, bahagian terakhir adalah soalan terbuka di mana responden diberi ruang untuk mengemukakan sebarang komen, ulasan, atau cadangan berkaitan program. Kaedah analisis bagi bahagian ini adalah analisis penerokaan data teks dengan menggunakan analisis sentimen. Analisis sentimen ialah proses mengenal pasti kecenderungan sama ada komen tersebut positif, negatif, atau neutral, yang menghasilkan gambaran umum terhadap pandangan peserta. Ia adalah satu teknik dalam pemprosesan bahasa semula jadi (*Natural Language Processing*) yang bertujuan untuk menilai dan mengklasifikasikan emosi atau sikap dalam teks. Analisis ini sering digunakan untuk memahami pendapat pengguna terhadap produk, perkhidmatan, atau isu tertentu.

Proses analisis teks bermula dengan pengumpulan data teks dari sumber soal selidik yang diedarkan. Data tersebut kemudian diprapemproses dengan membersihkan teks daripada tanda baca, nombor, dan perkataan yang tidak memberi makna (*stopwords*), serta menukar kata kepada bentuk asas

melalui teknik stemming atau lemmatization (Duong & Nguyen, 2021). Selepas itu, teknik analisis teks digunakan untuk mengenal pasti tema atau kata kunci utama dalam data tersebut. Proses seterusnya adalah analisis sentimen yang bertujuan menentukan perasaan atau sikap yang terkandung dalam teks sama ada positif, negatif, atau neutral.

Sentimen boleh dilihat sebagai gambaran perasaan penulis teks sama ada positif, negatif, atau neutral. Melalui analisis ini, kita dapat mengesan reaksi umum, mengenalpasti masalah, dan membuat keputusan berdasarkan maklum balas sebenar. Teknik analisis sentimen boleh menggunakan pendekatan berasaskan kamus (*lexicon-based*) yang menggunakan senarai perkataan dengan nilai sentimen tertentu, atau pendekatan pembelajaran mesin yang melatih model menggunakan data berlabel untuk mengklasifikasikan sentimen secara automatik.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden


Responden dalam kajian ini terdiri daripada 116 orang pelajar yang turut serta dalam program ceramah keusahawanan ini. Carta pai dalam Rajah 2 menunjukkan Peratusan Responden Mengikut Jantina dengan jumlah pelajar lelaki ialah seramai 18 orang iaitu sebanyak 15.52% dan jumlah pelajar perempuan ialah seramai 98 orang iaitu 84.48%. Carta pai dalam Rajah 3 pula menunjukkan Peratusan Responden Mengikut Bangsa iaitu Melayu / Bumiputera, Cina, India dan lain-lain. Majoriti pelajar terdiri daripada bangsa Melayu atau Bumiputera iaitu seramai 106 orang (91.38%). Bagi peserta mengikut tahun pengajian pula, Rajah 4 menunjukkan penglibatan paling ramai adalah Tahun 3 iaitu seramai 48 orang, diikuti oleh Tahun 2 seramai 35 orang dan Tahun 1 seramai 33 orang. Berdasarkan kepada latar belakang pelajar ini, dapat dilihat bahawa kepelbagaian dari segi jantina dan bangsa tidak menjadi halangan bagi seseorang individu untuk menceburi bidang keusahawanan.

Tahap Kepuasan Terhadap Pengurusan Program


Bahagian kedua soal selidik kajian adalah mengenai pengurusan program yang dijalankan. Ia melibatkan aspek pengisian program, keberkesanan program, perjalanan program dan pencapaian objektif program. Secara keseluruhannya, semua aspek yang dinilai mencatatkan skor min yang tinggi, iaitu melebihi 4.7, dan nilai sisihan piawai yang rendah. Hasil dapatan



RAJAH 2. Carta Pai Peratusan Responden Mengikut Jantina



RAJAH 3. Carta Palang Peratusan Responden Mengikut Bangsa



RAJAH 4. Carta Pai Peratusan Responden Mengikut Tahun Pengajian

ini menunjukkan bahawa para peserta memberikan maklum balas yang positif dan hampir seragam. Nilai min yang tinggi menggambarkan tahap kepuasan yang amat baik terhadap keseluruhan aspek pengurusan program, manakala nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan tahap kesepakatan yang tinggi dalam

kalangan responden. Secara tidak langsung, hasil ini membuktikan bahawa peserta berpuas hati dengan keseluruhan program serta menunjukkan keberkesanan penganjuran yang berjaya memenuhi objektif yang telah ditetapkan.

JADUAL 1. Tahap Kepuasan Terhadap Pengurusan Program

Bil	Aspek	Min	Sisihan Piawai
1	Pengisian Program	4.81	0.46
2	Keberkesanan Program	4.80	0.44
3	Perjalanan Program	4.76	0.52
4	Pencapaian Objektif Program	4.78	0.47


Persepsi Terhadap Penceramah

Penilaian terhadap penceramah juga merupakan salah satu aspek penting dalam menilai keberkesanan program. Hal ini kerana penilaian tersebut boleh dijadikan sebagai indikator untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Komponen soalan yang disentuh bagi persepsi terhadap penceramah adalah berkaitan dengan cara penyampaian penceramah, mutu kandungan penceramah dan interaktiviti oleh penceramah berdasarkan kesesuaian contoh-contoh yang telah diulas. Secara keseluruhannya, semua aspek berikut mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu melebihi 4.7, menunjukkan bahawa peserta memberikan maklum balas yang sangat positif terhadap penceramah. Ini menggambarkan bahawa isi kandungan yang disampaikan adalah relevan dan mudah difahami,

manakala gaya penyampaian penceramah dianggap menarik serta sesuai dengan objektif program. Walaupun demikian, nilai sisihan piawai yang sedikit tinggi, iaitu antara 0.79 hingga 0.81, menunjukkan wujud sedikit variasi dalam pandangan peserta terhadap cara penyampaian dan contoh-contoh yang diberikan semasa sesi ceramah. Variasi ini mungkin disebabkan oleh perbezaan tahun pengajian dan tahap pendedahan peserta terhadap bidang keusahawanan. Sebagai contoh, pelajar tahun awal mungkin lebih mudah menerima gaya penyampaian yang santai, manakala pelajar tahun akhir mungkin mengharapkan kandungan yang lebih mendalam dan praktikal. Namun, nilai min yang tinggi menunjukkan bahawa para peserta secara keseluruhannya masih berpuas hati dengan penyampaian penceramah yang berkesan serta menarik minat peserta.

JADUAL 2. Persepsi Terhadap Penceramah

Bil	Persepsi	Min	Sisihan Piawai
1	Isi Kandungan Program	4.74	0.79
2	Kaitan Kesesuaian	4.73	0.81
3	Cara Penyampaian oleh Penceramah	4.73	0.80
4	Kesesuaian Contoh Yang Diberikan	4.72	0.80




RAJAH 5. Graf Sentimen Terhadap Komen Keseluruhan Program

Analisis terakhir merupakan analisis sentimen yang mana ia menunjukkan sama ada komen-komen yang diberikan oleh peserta ke arah positif, negatif atau neutral. Berdasarkan komen keseluruhan dalam Rajah 5 di atas, didapati majoriti komen peserta menunjukkan sentimen positif. Kebanyakan skor berada di tahap +1. Terdapat juga beberapa komen yang memberikan skor +2 dan +3, menggambarkan banyak perkataan berunsur positif dalam suatu komen tersebut. Antara frasa komen bagi skor yang tinggi adalah “Program yang sangat berfaedah. Perkongsian yang sangat menarik dan memberikan inspirasi.” serta “Program yang sangat menarik dan informasi yang dikongsikan juga sangat berguna.”.

Komen-komen positif ini adalah sebuah penghargaan dan kepuasan yang menunjukkan bahawa peserta benar-benar menghargai usaha penganjur dalam merancang serta melaksanakan program dengan

baik. Ia juga mencerminkan keberkesanan keseluruhan aktiviti yang dijalankan bagi memenuhi objektif program. Walau bagaimanapun, terdapat 2 sentimen negatif dengan skor -1. Ia merujuk kepada frasa kritikan ringan yang mencadangkan agar penganjur membuat persediaan dengan lebih baik seperti “moderator perlu lebih engaging audience penceramah more santai relaks” dan “lebih prepare supaya program lebih lancar”. Selain itu, terdapat juga komen yang bersifat neutral dengan skor 0, yang tidak membawa makna sentimen yang jelas. Secara keseluruhan, analisis sentimen ini menggambarkan bahawa maklum balas terhadap program ini adalah sangat positif, manakala sedikit sentimen negatif yang diterima boleh dianggap sebagai suatu bentuk teguran membina yang boleh dimanfaatkan untuk memperbaiki program berikutnya selepas ini.



RAJAH 6. Graf Kata Penyumbang Sentimen

Graf pada Rajah 6 pula menunjukkan kata penyumbang sentimen positif yang paling kerap muncul dalam komen peserta. Perkataan yang mempunyai kekerapan tertinggi ialah perkataan “terbaik”, diikuti dengan perkataan “baik”, “menarik”, “lancar” dan “bermanfaat”. Perkataan seperti “seronok”, “memuaskan”, dan “best” juga merupakan perkataan-perkataan yang menyumbang kepada sentimen positif. Akhir kata, perkataan “terbaik” merupakan kunci utama yang menjadikan komen peserta cenderung kepada sentimen berunsur positif.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa ceramah Stats-Preneurship ini telah berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan dengan tahap kepuasan peserta yang sangat tinggi. Analisis min dan sisihan piawai menunjukkan semua aspek yang dinilai iaitu pengisian, keberkesanan, perjalanan, dan pencapaian objektif program memperoleh skor melebihi 4.7 dengan sisihan piawai yang rendah, menandakan penilaian yang konsisten dalam kalangan responden. Penilaian terhadap

penceramah turut positif dengan nilai min melebihi 4.7, walaupun terdapat sedikit variasi pandangan peserta terhadap gaya penyampaian. Sementara itu, analisis sentimen terhadap komen membuktikan majoriti maklum balas bersifat positif. Hal ini dapat dibuktikan dengan Rajah 6 yang menunjukkan penggunaan kata kunci “terbaik” adalah yang paling kerap, manakala hanya segelintir komen berbentuk cadangan penambahbaikan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa ceramah keusahawanan berupaya memberikan kesan yang baik, menambah pengetahuan pelajar, serta menggalakkan minat mereka untuk menceburi bidang keusahawanan.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penganjur program iaitu Kelab Statistik UKM diatas kerjasama dalam menjayakan program Stats-Preneurship yang sangat memberi impak ini. Tidak lupa kepada penceramah program iaitu Puan Adibah, pengasas jenama The Raw diatas kesudian untuk berkongsi pengalaman dan ilmu keusahawanan yang sangat bermanfaat kepada para peserta. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia atas kemudahan yang disediakan bagi menjalankan program Stats-Preneurship ini. Akhir sekali, penghargaan juga turut diberikan kepada semua responden yang sudi meluangkan masa untuk menjawab borang soal selidik agar kajian ini dapat dijalankan dengan sempurna.

RUJUKAN

- Amaral, D. T., Nieuwenhuizen, C., & Schachtebeck, C. (2024). Assessing the influence of entrepreneurial education on individual entrepreneurial orientation of university students. *Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 13(1), 70.
- Duong, H. T., & Nguyen-Thi, T. A. (2021). A review: preprocessing techniques and data augmentation for sentiment analysis. *Computational Social Networks*, 8(1), 1.
- Haron, A. A., Juhdi, N. H., & Rahid, M. R. (2022). Program Keusahawanan dan Prospek Kerjaya Pilihan Mahasiswa: Kajian di UKM. *Journal of Entrepreneurship and Business*, 10(1), 115-129.
- Hua, J., Zheng, K., & Fan, S. (2022). The impact of entrepreneurial activities and college students' entrepreneurial abilities in higher education—A meta-analytic path. *Frontiers in psychology*, 13, 843978.
- Huang, Y., Yuan, Y., Sun, W., & Li, P. (2025). From classroom to workplace: how entrepreneurship education influences university students' employability. *Humanities and Social Sciences Communications*, 12(1), 1-15.
- Nasir, S. N. A., & Halim, H. A. (2024). Tujuan, Kepentingan Dan Kesan Penerapan Kemahiran Insaniah (Softskill) Dalam Pengajaran Subjek Usahawan Siswa Di Universiti Putra Malaysia: Analisis Psikolinguistik. *Jurnal ILMI*, 14(1), 175-187.
- Schimperna, F., Nappo, F., & Marsigalia, B. (2021). Student entrepreneurship in universities: The state-of-the-art. *Administrative Sciences*, 12(1), 5.
- Tang, S., & Cui, T. (2025). Exploring the impact of parasocial interactions with digital entrepreneurial influencers on higher vocational students' entrepreneurial intention: empirical evidence from China. *International Journal of Emerging Markets*.
- Vivekananth, S., Indiran, L., & Kohar, U. H. A. (2023). The influence of entrepreneurship education on university Students' entrepreneurship self-efficacy and entrepreneurial intention. *Journal of Technical Education and Training*, 15(4), 129-142.

Shazatul Rania Azman & Nor Hamizah Miswan*
Jabatan Sains Matematik,
Fakulti Sains dan Teknologi,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: norhamizah@ukm.edu.my